

BANDAR MUADZAM SHAH, 6 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD YANG MENGAHKIRI LAWATAN KE NEGERI-NEGERI DI SEMENANJUNG BERSAMA PEMIMPIN BARISAN NASIONAL (BN) YANG LAIN HARI INI, BERKATA BELIAU MERANCANG MENGADAKAN SATU LAGI SIRI LAWATAN -- KALI INI TERMASUK KE SABAH DAN SARAWAK.

PERDANA MENTERI BERKATA, LAWATAN ITU BERTUJUAN MEMBERI PENERANGAN MENGENAI PERKEMBANGAN SEMASA KEPADA KUMPULAN LAIN SEPERTI PERSATUAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL DISAMPING MENELITI PERSIAPAN JENTERA PILIHAN RAYA BN.

LAWATAN KE SABAH DAN SARAWAK AKAN DILAKUKAN SELEPAS LAWATAN KE KOREA SELATAN, KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS MENGADAKAN PERJUMPAAN TERTUTUP DENGAN PEMIMPIN MASYARAKAT PAHANG DARUL MAKMUR DI SINI.

APABILA DITANYA SAHA ADA PILIHAN RAYAUMUM AKAN DIADAKAN SELEPAS BELIAU MENAMATKAN SEMUA LAWATANNYA, BELIAU BERKATA IA BERGANTUNG KEPADA +ILHAM+ DAN PILIHAN RAYAJUGAMUNGKIN BOLEH DIADAKAN SEMASA BELIAU SEDANG MENGADAKAN LAWATAN KELAK.

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA BELIAU BERKEMUNGKINAN BESAR TIDAK AKAN MENGHADIRI PERSIDANGAN PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU AKAN DATANG MEMANDANGKAN IA MEMERLUKAN BELIAU BERADA DILUAR NEGERI BAGI TEMPOH YANG TERLALU LAMAI IAITU 14 HARI. -- LAGI.

1922MST 06 09 90

0584

U 6771 BAH

MAHATHIR - SIRI 2 BANDAR MUADZAM SHAH

+TEMPOH ITU AGAK PANJANG. KALAU SAYA PERGI SELAMA 14 HARI, SAYA TERPAKSA MENANGGUHKAN LAWATAN SAYA DAN INI AKAN MENJEJASKAN USAHA SAYA UNTUK MEMBERI PENERANGAN DAN MENGGEMBLENG TENAGA BN.

+PADA MULANYA SAYA INGAT IA BOLEH SELESAI DALAM SEMINGGU TETAPI BANYAK URUSAN YANG PERLU DILAKUKAN DI SANA DAN IA AKAN MEMAKAN BANYAK MASA. SAYA TIDAK BOLEH BERADA DI LUAR NEGERI SELAMA 14 HARI, TAKUT NANTI ADA PILIHAN RAYA SEMASA SAYA BERADA DI LUAR NEGERI, + KATANYA SAMBIL BERJENAKA.

MENURUTNYA, BELIAU SENTIASA MEMBERI KEUTAMAAN KEPADA URUSAN DALAM NEGERI.

KATA BELIAU, MASIH BANYAK PERKARA YANG PERLU BELIAU JELASKAN DALAM SIRI LAWATANNYA TERUTAMA PERKEMBANGAN TERBARU PARTI LAWAN, MISALNYA SOKONGAN PAS TERHADAP KUMPULAN PENDIDIKAN CINA YANG KINI MENYERTAI DAP.

MENGENAI PENGGUNAAN LAMBANG BAGI PARTI-PARTI KOMPONEN BN DI SABAH DAN SARAWAK, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU BELUM MENERIMA PERMOHONAN RASMI BERHUBUNG PERKARA ITU. -- LAGI.

1924MST 06 09 90

0591

UB776 BAH

MAHATHIR - SIRI 3 BANDAR MUADZAM SHAH (ULANGAN - MEMBETULKAN TAJUK)

TAMBAHNYA, PENGGUNAAN LAMBANG TIDAK MENJADI MASALAH DI SEMENANJUNG. MASALAH TIMBUL DI SABAH DAN SARAWAK KERANA PARTI-PARTI BERKENAAN SALING BERTENTANGAN DI PERINGKAT NEGERI SUNGGUHPUN MASING-MASING ANGGOTA BN.

BAGAIMANAPUN KATANYA MASALAH ITU KECIL SAHAJA DAN BN MEMPUYAI CARA TERTENTU UNTUK MENYELESAIKANNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA Pengerusi BN BERKATA PEMBAHAGIAN KERUSI BAGI PARTI-PARTI KOMPONEN BN AKAN DILAKUKAN MENGIKUT PEMBAHAGIAN SEMASA PILIHAN RAYAUMUM 1986.

BAGAIMANAPUN, KATANYA, PEMBAHAGIAN KERUSI BAGI PARTI-PARTI KOMPONEN DI SABAH DAN SARAWAK AKAN DIRUNDINGKAN KEMUDIAN MANAKALA BAGI SEMENANJUNG, MASALAH ITU TIDAK TIMBUL.

YANG HADIR SAMAPADA PERJUMPAAN TERTUTUP ITU IALAH MENTERI BESAR TAN SRI KHALIL YAKOB, MENTERI PENGANGKUTAN DATUK SERI DR LING LIONG SIK YANG JUGA PRESIDEN MCA, MENTERI TENAGA, TELEKOM DAN POS DATUK SERI S. SAMYVELLU (PRESIDEN MIC) DAN MENTERI PERUSAHAAN UTAMA DATUK SERI DR LLM KENG YAIK (PRESIDEN PARTI GERAKAN). -- BERNAMA.